

**KAPS 19
KOD AMALAN
PELAKSANAAN PROGRAM
SARJANA DAN DOKTOR
FALSAFAH SECARA
CAMPURAN
SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH (SPS)**

Cetakan Pertama 2009 (KAPS 01 – KAPS 08)
Cetakan Pertama 2012 (KAPS 09 – KAPS 19)
Cetakan Kedua 2012 (Semakan Pertama)
Cetakan Kedua 2018 (Semakan Kedua)
© Sekolah Pengajian Siswazah, 1992

Kod Amalan Pengajian Siswazah (KAPS 01 -19)
Diluluskan Jawatankuasa Eksekutif Sekolah Pengajian Siswazah (4 Julai 2012)
Diluluskan Mesyuarat JKTS Dasar dan Entiti Akademik (7 Mac 2018)
Diluluskan SENAT UTM Bil 07/2017/2018 (21 Mac 2018)

Sekolah Pengajian Siswazah
81310 UTM Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim

Visi UTM

Diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan akademik dan teknologi bertaraf dunia.

Visi SPS

UTM akan menjadi sebuah universiti yang berasaskan kepada Pengajian Pasca siswazah dan sebuah pusat rujukan pendidikan siswazah

Misi UTM

Menjadi peneraju dalam pembangunan modal insan dan teknologi inovatif demi pengkayaan khazanah negara.

Misi SPS

Mewujudkan sebuah pusat pendidikan siswazah yang mempunyai ekosistem pembelajaran yang menawarkan program-program berkualiti dan memperkayakan pengalaman pelajar untuk berhadapan dengan dunia yang mencabar.

ISI KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN	1
2.0	SKOP	1
3.0	DEFINISI	1
4.0	STRUKTUR PROGRAM	2
5.0	PELAKSANAAN	6
6.0	TEMPOH PENGAJIAN	7
7.0	PENILAIAN	7
8.0	GRED / PEMARKAHAN	9
9.0	PENGANUGERAHAN	11
10.0	DOKUMEN LAIN YANG BERKAITAN	13

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Kod amalan ini dinamakan Perlaksanaan Program Sarjana dan Doktor Falsafah secara mod campuran.
- 1.2 Kod amalan ini bertujuan menyelaraskan pelaksanaan program mod campuran di Universiti Teknologi Malaysia.
- 1.3 Kod amalan ini terpakai untuk semua program Sarjana dan Doktor Falsafah secara mod campuran di Universiti Teknologi Malaysia.

2.0 SKOP

Kod amalan ini adalah dokumen rujukan bagi pelaksanaan program mod campuran di Universiti Teknologi Malaysia.

3.0 DEFINISI

Terminologi dalam kod amalan ini digunakan mengikut maksud takrifan berikut:

- 3.1 Mod campuran bermaksud pengajian siswazah yang dilaksanakan secara gabungan kerja kursus dan penyelidikan.
- 3.2 Mod campuran mengandungi dua komponen 40-50% kerja kursus dan 50-60% melalui penyelidikan.
- 3.3 Standard program adalah merujuk kepada Standard Program Sarjana dan Doktor Falsafah secara Penyelidikan yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
- 3.4 Komponen kerja kursus melibatkan pengendalian kerja kursus teras dan elektif berkaitan.
- 3.5 Komponen penyelidikan akan dinilai berdasarkan disertasi.
- 3.6 Disertasi ertinya karya akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan penganugerahan ijazah bagi pengajian siswazah untuk komponen penyelidikan program mod campuran.

4.0 STRUKTUR PROGRAM

- 4.1 Struktur program yang dicadangkan adalah sepertimana yang disarankan oleh MQA seperti di Jadual 1.0.

4.2 Bidang lain yang tiada dinyatakan di Jadual 1.0 boleh dirujuk di standard umum pengajian siswazah yang dikeluarkan oleh MQA untuk keterangan lanjut.

Jadual 1.0: Struktur program mod campuran mengikut bidang.

Bidang		Peratusan	Peratusan Kredit	Kredit minimum bergraduat
Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan	Kursus wajib termasuk metodologi penyelidikan	10 – 20%	4 – 8	40
	Kursus Teras dan Elektif	30 – 40%	12 – 16	
	Disertasi	50 – 60%	20 -24	
Komputeran	Kursus Teras termasuk metodologi penyelidikan dan Disertasi	50 – 70%	20 – 28	40
	Kursus Elektif	30 – 50%	12 – 20	
Bioteknologi	Kerja Kursus	45 – 55%	18 – 24	40
	Penyelidikan (Disertasi)	40 – 55%	16 – 22	
Sains perubatan dan Kesihatan	Kerja Kursus	45 – 60%	18 – 24	40
	Penyelidikan (Disertasi)	40 – 55%	16 – 22	
Sains Perpustakaan dan Maklumat	Kerja Kursus	45 – 60%	18 – 24	40
	Penyelidikan (Disertasi)	40 – 55%	16 – 22	
Undang-undang dan Syariah	Kerja Kursus	50 – 60%	20 – 24	40
		50 – 60%	10 – 12	
		40 – 50%	8 – 10	
	Penyelidikan (Disertasi)	40 – 50%	16 – 20	

4.3 Penetapan agihan kursus untuk program mod campuran adalah ditentukan oleh fakulti mengikut bidang yang ditetapkan oleh MQA sepertimana di Jadual 1.0 iaitu kerja kursus ialah 40% – 50% atau 16 – 20 kredit. Disertasi ialah 50% - 60% atau 20 - 24 kredit.

4.4 Jumlah kredit program mod campuran di Universiti Teknologi Malaysia adalah antara 40-42 kredit.

4.5 Pelajar mestilah mendaftar tidak kurang daripada satu (1) kursus pada setiap semester.

- 4.6 Tertakluk kepada Perkara 13.1, Peraturan Akademik Pengajian Siswazah, beban akademik setiap semester adalah bergantung kepada jumlah kredit minimum 3 kredit hingga dua puluh (20) kredit bagi pelajar sepenuh masa dan tiga (3) hingga dua belas (12) kredit bagi pelajar separuh masa bagi semester lazim.
- 4.7 Bagi semester pendek, beban akademik tidak melebihi 10 kredit bagi pelajar sepenuh masa dan 6 kredit bagi pelajar separuh masa.
- 4.8 Jumlah kredit yang dinyatakan di Perkara 3.5 – 3.7 tidak termasuk kredit untuk penyelidikan.
- 4.9 Perlaksanaan mod campuran perlu dimulakan dengan kerja kursus dan diikuti dengan penyelidikan.
- 4.10 Agihan kredit bagi tujuan perlaksanaan ditunjukkan dalam Jadual 2a, 2b, 2c dan 2d.

Jadual 2a: Contoh Skema Pengajian Mod Campuran untuk tempoh pengajian selama 2 semester lazim + 1 semester pendek (1 tahun)*

TAHUN 1					
SEMESTER I		SEMESTER II		SEMESTER PENDEK	
Kursus	Kredit	Kursus	Kredit	Kursus	Kredit
Metodologi Penyelidikan	HW	Disertasi	13	Disertasi	8
4 teras (3 kredit tiap satu)	12	1 elektif	3		
2 elektif	6				
JUMLAH	18	JUMLAH	16	JUMLAH	8
JUMLAH KESELURUHAN				42	

Jadual 2b: Contoh Skema Pengajian Mod Campuran untuk tempoh pengajian selama 2 semester lazim + 1 semester pendek (1 tahun)*

TAHUN 1					
SEMESTER II		SEMESTER PENDEK		SEMESTER I SESI BERIKUTNYA	
Kursus	Kredit	Kursus	Kredit	Kursus	Kredit
Metodologi Penyelidikan	HW	Disertasi	7	Disertasi	14
4 teras (3 kredit tiap satu)	12	1 elektif	3		
1 elektif	6				
JUMLAH	18	JUMLAH	10	JUMLAH	14
JUMLAH KESELURUHAN				42	

Jadual 2c: Contoh Skema Pengajian Mod Campuran untuk tempoh pengajian selama 3 semester (1.5 tahun)*

TAHUN 1				TAHUN 2	
SEMESTER I		SEMESTER II		SEMESTER I	
Kursus	Kredit	Kursus	Kredit	Kursus	Kredit
Metodologi Penyelidikan	HW			Disertasi	14
4 teras (3 kredit tiap satu))	12	1 elektif @ 3 kredit	3		
2 Elektif	6	Disertasi	7		
JUMLAH	18	JUMLAH	10	JUMLAH	14
JUMLAH KESELURUHAN					42

Jadual 2d: Contoh Skema Pengajian Mod Campuran untuk tempoh pengajian selama 4 semester (2 tahun)*

TAHUN 1			
SEMESTER I		SEMESTER II	
Kursus	Kredit	Kursus	Kredit
Metodologi Penyelidikan	HW		
4 teras (3 kredit tiap satu))	12	3 elektif 3 kredit tiap satu)	9
JUMLAH	12	JUMLAH	9
TAHUN 2			
SEMESTER I		SEMESTER II	
Kursus	Kredit	Kursus	Kredit
Disertasi	10	Disertasi	11
JUMLAH	10	JUMLAH	11
JUMLAH KESELURUHAN			42

* agihan kursus adalah mengikut ketetapan fakulti

Nota: Jumlah kredit disertasi adalah bersamaan 21 kredit (840 jam pembelajaran).

5.0 PELAKSANAAN

- 5.1 Beban akademik setiap semester adalah bergantung kepada jumlah minimum kursus iaitu satu (1) kursus (3-4 kredit) hingga dua puluh jam (20) kredit bagi pelajar sepenuh masa dan satu (1) kursus (3-4 kredit) hingga dua belas (12) kredit bagi pelajar separuh masa tidak termasuk kredit untuk penyelidikan.
- 5.2 Pelajar perlu menyelesaikan kesemua kerja kursus sebelum memulakan komponen penyelidikan.
- 5.3 Pelajar dengan pencapaian akademik Kedudukan Baik (KB) dengan nilai minimum PNGK(CGPA) 3.5. dibenarkan mendaftar satu (1) kursus elektif bersama disertasi .

- 5.4 Pendaftaran disertasi juga boleh dibenarkan bersama pendaftaran kursus yang berstatus Ulang Matapelajaran (UM).
- 5.5 Kaedah penilaian pencapaian akademik juga merupakan gabungan kepada dua bahagian, iaitu berdasarkan GPA/CGPA dan laporan kemajuan penyelidikan.
- 5.6 Fakulti akan menetapkan, melalui kurikulum berkenaan, bilangan kredit minimum untuk komponen kerja kursus. Penilaian melibatkan pengiraan kredit dan digred.
- 5.7 Komponen Penyelidikan tidak melibat kiraan kredit dan penilaian pencapaian penyelidikan digred menggunakan tiga kategori iaitu Memuaskan (MM), Tidak Memuaskan (TM) dan Gagal (GG).
- 5.8 Disertasi boleh dimulakan pada semester semester kedua atau semester ketiga mengikut perancangan pengajian (selepas menyelesaikan kerja kursus).
- 5.9 Bagi PhD, pelajar hanya boleh mendaftar disertasi setelah lulus semua kursus.

6.0 TEMPOH PENGAJIAN

- 6.1 Tempoh pengajian bagi program mod campuran adalah dicadangkan seperti di Jadual 3.0.
- 6.2 Perlanjutan tempoh pengajian boleh diberikan atas sebab yang dibenarkan dalam Peraturan Akademik Pengajian Siswazah.
- 6.3 Perlanjutan semester hendaklah dipohon melalui fakulti untuk dikemukakan oleh Sekolah Pengajian Siswazah bagi mendapatkan kelulusan Senat.

Jadual 3.0: Tempoh Pengajian Bagi Sepenuh Masa

SEPENUH MASA		
Minimum (Semester)	Lazim (semester)	Maksimum (Semester)
2	3	6

7.0 PENILAIAN

- 7.1 Penilaian bagi pelaksanaan bagi mod campuran seperti :
- i. Peperiksaan bagi kursus yang diikuti pada tiap-tiap semester;
 - ii. Penilaian disertasi; dan
 - iii. Peperiksaan lisan bagi mempertahankan disertasi mengikut keperluan fakulti
- 7.2 Penilaian kerja kursus adalah bergantung kepada modul kursus yang disediakan melalui instrumen seperti kuiz, ujian, tugas, pembentangan, kajian kes, laporan projek dan peperiksaan akhir atau menggunakan instrument lain yang lazim diamalkan oleh Fakulti.
- 7.3 Penilaian disertasi pula dijalankan selepas pelajar menyerahkan disertasi yang lengkap. Penilaian akan melibatkan dua orang penilai, dengan menggunakan borang-borang yang ditetapkan oleh Sekolah Pengajian Siswazah. Semua penilaian akan dijalankan oleh fakulti masing-masing.
- 7.4 Peperiksaan lisan adalah bergantung kepada keperluan fakulti. Jika pelajar perlu menjalani peperiksaan lisan maka fakulti hendaklah menjalankan peperiksaan lisan mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa.
- 7.5 Proses peperiksaan lisan perlu dilaksanakan sebagaimana pelajar penyelidikan. Disertasi perlu dinilai sebelum peperiksaan lisan menggunakan borang-borang yang ditetapkan dalam penilaian disertasi untuk komponen penyelidikan.
- 7.6 Tarikh akhir penghantaran disertasi bagi tujuan peperiksaan adalah tertakluk kepada tarikh akhir menghantar tesis program penyelidikan sebagaimana yang ditentukan oleh Sekolah Pengajian Siswazah pada setiap semester.
- 7.7 Sekiranya pelajar gagal kerja kursus maka pelajar dikehendaki mengulangi kursus tersebut sehingga lulus. Markah lulus minimum ialah 60% (B-).

- 7.8 Pelajar program mod campuran yang sedang membuat melaksanakan komponen kerja kursus dan mendapat Kedudukan Bersyarat (KS) masih boleh dibenarkan meneruskan pengajian.
- 7.9 Pelajar program mod campuran yang sedang membuat melaksanakan komponen penyelidikan dan mendapat Kedudukan Tidak Memuaskan (TM) dua kali berturut akan mendapat Kedudukan Gagal (KG) dan diberhentikan.
- 7.10 Pelajar program mod campuran Ijazah kedoktoran tertakluk kepada peraturan yang terpakai kepada program penyelidikan dalam menjalankan komponen penyelidikan.

8.0 GRED / PEMARKAHAN

- 8.1 Gred dan pemarkahan untuk penilaian kerja kursus adalah menggunakan sistem gred dan pemarkahan program kerja kursus sedia ada yang telah diluluskan oleh Senat Universiti Teknologi Malaysia.
- 8.2 Gred dan pemarkahan untuk penilaian disertasi setiap semester akan dinilai menggunakan Borang Laporan Kemajuan Disertasi dan gred penyelidikan sedia ada yang telah diluluskan oleh Senat Universiti Teknologi Malaysia.
- 8.3 Gred pemarkahan adalah seperti di Jadual 4a, Jadual 4b dan Jadual 4c yang dipetik daripada Peraturan Akademik Pengajian Siswazah Universiti Teknologi Malaysia.

Jadual 4a: Gred pemarkahan secara kerja kursus

Markah	Gred	Mata Nilai	Taraf Pencapaian
90 - 100	A+	4.00	Lulus dengan Cemerlang
80 - 89	A	4.00	
75 - 79	A-	3.67	
70 - 74	B+	3.33	Lulus dengan Baik
65 - 69	B	3.00	
60 - 64	B-	2.67	Lulus

55 – 59	C+	2.33	Gagal
50 – 54	C	2.00	
45 – 49	C-	1.67	
40 – 44	D+	1.33	
35 - 39	D	1.00	

Jadual 4b: Gred Pemarkahan Komponen penyelidikan

Gred Penyelidikan			Keputusan	Kelayakan Meneruskan Pengajian	Kelayakan Penganugerahan
Penilaian Keseluruhan	Deskripsi Markah $0 \leq M \leq 100$	Gred			
Memuaskan (MM)	$90 \leq M \leq 100$	Cemerlang	Kedudukan Baik (KB)	Layak	Layak
	$80 \leq M \leq 90$	Sangat Baik			
	$70 \leq M \leq 79$	Sangat Baik			
	$60 \leq M \leq 69$	Baik			
	$50 \leq M \leq 59$	Baik			
Tidak Memuaskan (KM)	$40 \leq M \leq 49$ $30 \leq M \leq 39$	Sederhana	Kedudukan Bersyarat (KS)	Layak	Tidak Layak
Gagal (GG)	$0 \leq M \leq 29$	E	Kedudukan Gagal (KG) (Diberhentikan)	Tidak Layak	Tidak Layak

Jadual 4c : Kedudukan Akademik Bagi Mod Kerja Kursus

Kerja Kursus (CPA)	Keputusan	Kelayakan Meneruskan Pengajian
$CGPA \geq 3.00$	Kedudukan Baik (KB)	Layak
$2.67 \leq CGPA < 3.00$	Kedudukan Bersyarat (KS)	Layak
$CPA < 2.67$	Kedudukan Gagal (KG) (Diberhentikan)	Tidak Layak

9.0 PENGANUGERAHAN

9.1 Pelajar dianugerahkan Ijazah Sarjana setelah mencapai CPA ≥ 3.00 dan lulus semua kursus termasuk Disertasi iaitu Berkedudukan Baik (KB) dan Kedudukan Memuaskan (MM). Ini boleh ditunjukkan dalam Jadual 5.0 berikut.

Jadual 5.0 Kelayakan Penganugerahan

Kerja Kursus	Penyelidikan	Penganugerahan
KB - CPA ≥ 3.00	MM	Layak
KB - CPA ≥ 3.00	TM	Tidak Layak
KB - CPA < 3.00	MM	Tidak Layak

9.2 Pelajar telah memenuhi syarat-syarat penganugerahan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan Akademik dan juga peraturan program.

9.3 Pelajar menyelesaikan pengajian mengikut tempoh yang dibenarkan.

9.4 Pelajar telah menyelesaikan semua bayaran tertunggak kepada Universiti.

9.5 Pelajar telah mematuhi peraturan lain yang sedang berkuatkuasa.

RINGKASAN PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM SARJANA SECARA MOD CAMPURAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

ITEM	PELAKSANAAN
Struktur Program	Kerja Kursus: 40 – 50% atau 16 – 20 kredit Disertasi : 50 – 60% atau 20 – 24 kredit
Tempoh Pengajian	Sepenuh Masa: Minimum: 2 sem Maksimum: 6 sem Separuh Masa: Minimum: 4 sem Maksimum: 8 sem

Penilaian untuk komponen penyelidikan	Penilaian disertasi dengan pelantikan dua orang penilai. Peperiksaan lisan adalah bergantung kepada keperluan fakulti.
Kelayakan Masuk	CPA Minimum 2.50
Gred / Pemarkahan	Memperoleh markah lulus minimum (60) B- untuk setiap kursus. Semua kursus termasuk Disertasi boleh diulang sehingga lulus tetapi tidak melebihi dua kali Kedudukan Bersyarat (KS).
Penganugerahan	Mencapai CPA ≥ 3.00 dan lulus semua kursus yang disyaratkan. Lulus Disertasi Menyelesaikan pengajian mengikut tempoh yang dibenarkan atau mendapat kelulusan Senat (jika terdapat pelanjutan)

10. DOKUMEN LAIN YANG BERKAITAN

- i. Kod Amalan Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah (KAPS-03), SPS UTM
- ii. Manual Kualiti Pengajian Siswazah, SPS UTM
- iii. Peraturan Akademik Pengajian Siswazah, SPS UTM
- iv. Buku Panduan Akademik Fakulti
- v. Manual Prosedur Kerja Program Fast Track PhD